

21 MAY 1998

LEAD Anwar-Suharto

MALAYSIA SAMBUT BAIK PEMINDAHAN KUASA AMAN DI INDONESIA

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Malaysia menerima baik peletakan jawatan Presiden Suharto dan pelantikan B.J. Habibie sebagai presiden baru Indonesia, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Katanya, Malaysia sukacita pemindahan kuasa dibuat secara aman dan mengikut perlembagaan Indonesia.

Beliau berkata Malaysia berharap dengan perkembangan ini, krisis politik di Indonesia dapat diselesaikan dengan aman supaya negara itu boleh menumpukan perhatian kepada pemulihan ekonomi.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata demikian selepas mengumumkan pelantikan Ketua Menteri Sabah yang baru bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini berehat di hospital selepas menjalani pembedahan kecil pada buku lali kirinya.

Suharto meletak jawatan hari ini berikutan tuntutan rakyat supaya diadakan reformasi ekonomi dan politik pada ketika negara itu menghadapi krisis ekonomi paling buruk sejak beliau mengambil-alih tampuk pemerintahan 32 tahun lepas.

Pergerakan Pemuda UMNO menyifatkan peletakan jawatan Suharto sebagai pengorbanan seorang pemimpin untuk melihat rakyat dan negaranya terus kukuh.

"Langkah Suharto itu memperlihatkan sifat seorang negarawan yang lebih mengutamakan kepentingan bangsa dan negara, mengatasi kepentingan untuk terus berkuasa," kata ketua Pemuda UMNO Datuk Ahmad Zahid Hamidi dalam satu kenyataan.

Katanya Pemuda UMNO bersimpati dengan rakyat Indonesia yang terpaksa "membayar dengan harga yang mahal" untuk melihat reformasi.

Zahid berharap pengganti Suharto akan meneruskan kerjasama yang erat dengan Malaysia kerana hubungan baik ini bukan sahaja untuk kepentingan dua hala tetapi juga demi kestabilan dan pembangunan serantau.

-- BERNAMA

AZZ SJ NMO